

PUSAT JAGAAN ORANG TUA TERBAKAR

[FOTO KHAIRULL AZBY BIDIN/BH]



Anggota Bomba dan Penyelamat melakukan pemeriksaan ke atas pusat jagaan orang tua yang terbakar di Sungai Long dekat Kajang, semalam.

# Empat penghuni, warden maut

➔ Premis dimiliki doktor warga Pakistan mula sejak dua bulan, tiada permit

Oleh Nur Afradina Arshad  
bhnews@bh.com.my

➔ Kajang

**E**mpat penghuni dan seorang warga Pakistan yang juga warden pusat jagaan orang tua di Sungai Long dekat sini, maut dalam kebakaran premis yang didiami mereka di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 5 pagi itu, mangsa yang terbunuh terdiri daripada Leow Chong Fatt, Teo Hoi Foo, Kwan Sak Seen, Lai Sew Ying dan Awis Muhammad, berusia 25 hingga 70 tahun.

Seorang warga emas yang terselamat berusia 70 tahun, dihantar ke Hospital Kajang untuk rawatan lanjut, manakala tiga lagi warden berusia 25 hingga 38 tahun tidak mengalami sebarang kecederaan.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff, berkata berdasarkan

maklumat awal, pemilik pusat jagaan itu dipercayai warga Pakistan. "Jabatan siasatan forensik polis dan bomba masih menyiasat punca kejadian yang bermula dari tingkat bawah rumah banglo dua tingkat ini.

"Berdasarkan maklumat awal, kami dapati pusat jagaan itu beroperasi sejak dua bulan lalu dan rumah ini disewa pada kadar RM6,000 sebulan," katanya.

Penolong Pengarah Operasi Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata 13 anggota dan dua pegawai dengan empat jentera dari Kajang dan Bangi, dikejarkan ke lokasi bagi memadamkan kebakaran terbabit.

Katanya, empat mangsa terperangkap dalam kebakaran berkenaan, sebelum mangsa pertama ditemui jam 6.05 pagi, disusuli mangsa kedua berada di dalam bilik jam 6.10 pagi.

**Tak berdaftar dengan JKM**

Mohd Sani berkata, mangsa ketiga dikeluarkan jam 6.20 pagi, manakala yang keempat dijumpai jam 6.22 pagi, sementara yang terakhir ditemui pada jam 7.07 pagi.

Mayat semua mangsa dihantar ke Hospital Kajang untuk bedah siasat.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Muhammad Hanafi Mau-



Berdasarkan maklumat awal, kami dapati pusat jagaan itu beroperasi sejak dua bulan lalu dan rumah ini disewa pada kadar RM6,000 sebulan"

**Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff,**  
Ketua Polis Daerah Kajang

lud, berkata siasatan pihaknya mendapati pusat jagaan yang beroperasi sejak Oktober lalu, tidak berdaftar dengan jabatan itu.

"Pusat jagaan ini mempunyai lima cawangan di sekitar Selangor tetapi hanya dua sahaja mempunyai permit.

"Pengusahanya akan disiasat kerana membuka pusat jagaan ini tanpa permit mengikut Akta Pusat Jagaan 1993. Warga Pakistan yang membuka pusat jagaan ini bekerja sebagai doktor," katanya.

"Walau mereka ini warga Pakistan namun dibenarkan untuk membuka pusat jagaan asalkan mengikut peraturan yang sudah ditetapkan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) turut memaklumkan banglo dua tingkat yang dijadikan pusat jagaan orang tua itu tidak memiliki permit.

**Tak pernah mohon permit**

Kaunselor MPKJ, Lai Wa Cheong, berkata semakan rekod pihaknya mendapati pemilik pusat jagaan itu tidak pernah memohon permit menjalankan operasi jagaan berkenaan.

Sementara itu, seorang penduduk berjiran dengan pusat terbabit, berkata dia menyedari kebakaran itu apabila pengawal keselamatan yang bertugas di perumahan berkenaan menekan loceng rumahnya.

"Pengawal itu meminta saya menghubungi bomba untuk memaklumkan kebakaran ini kira-kira jam 5 pagi.

"Mereka yang selamat keluar pun hanya menjerit meminta tolong. Tidak ramai orang yang ada datang membantu, mungkin kerana awal pagi.

"Semasa itu, saya pun tak dapat nak bantu apa-apa sebab api semakin marak dan hanya beberapa penghuni sahaja yang berjaya keluar dari kebakaran berkenaan," katanya ketika ditemui BH.

Pusat jagaan berkenaan menempatkan sembilan penghuni termasuk lima warga emas yang berada dalam keadaan yang terlanjar dan diuruskan oleh empat pekerja.

Seorang anak mangsa yang bergegas ke lokasi kira-kira jam 8 pagi selepas menerima panggilan daripada pekerja pusat jagaan itu, berkata dia menempatkan ayahnya di situ kerana terletak berhampiran kediamannya.

"Sudah sebulan ayah ditempatkan di pusat jagaan ini selepas dia koma akibat sakit dengan bayaran sebanyak RM3,000 sebulan.

"Sebaik menerima panggilan itu, saya bergegas ke sini dan dimaklumkan ayah terperangkap dalam kebakaran pusat jagaan ini dan disahkan meninggal dunia akibat sesak nafas," katanya di lokasi kejadian.